


astro

AWANI

Tahap pematuhan SOP di kedai gunting rambut melebihi 90 peratus - Alexander

Bernama | Diterbitkan pada Jun 21, 2020 16:57 +08 | Durasi: 48 saat



Penguat kuasa kementerian akan terus menjalankan pemeriksaan dan pemantauan kerana kedai gunting rambut mudah terdedah kepada jangkitan COVID-19. - Gambar hiasan

BUKIT MERTAJAM: Tahap pematuhan prosedur operasi standard (SOP) dalam kalangan pengusaha kedai gunting rambut, salun dan salun kecantikan di negara ini adalah memuaskan iaitu melebihi 90 peratus sejak sektor itu dibenarkan beroperasi semula pada 10 Jun lepas.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Alexander Nanta Linggi berkata berdasarkan 551 pemeriksaan yang dijalankan ke atas premis berkenaan sejak tarikh tersebut, tiada pengusaha yang diarahkan menutup operasi.

"Penguat kuasa kementerian akan terus menjalankan pemeriksaan dan pemantauan kerana kedai gunting rambut mudah terdedah kepada jangkitan COVID-19 disebabkan perkhidmatan melibatkan kontak fizikal," katanya kepada pemberita selepas melawat syarikat Prifaria Distribution Haulage cawangan Prai dekat sini hari ini.

Sementara itu, beliau berkata sehingga kini sebanyak 788 notis melibatkan Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 telah dikeluarkan kepada peniaga.

Terdahulu, Nanta turut meluangkan masa kira-kira setengah jam melawat syarikat Heap Lee Chan Sdn Bhd di Simpang Empat Bukit Mertajam.-- BERNAMA

<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/tahap-pematuhan-sop-di-kedai-gunting-rambut-melebihi-90-peratus-alexander-248124>

